

SIASATAN ADUAN DAN OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

22 September 2021, MELAKA - Unit aduan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menjalankan siasatan aduan pembakaran terbuka di kawasan kebun persendirian bagi penanaman semula berdekatan Stadium Hang Jebat Melaka pada hari ini.

Hasil pemeriksaan mendapati terdapat kegiatan pembakaran terbuka semasa siasatan dijalankan. Arahan pemadaman segera dan surat amaran telah dikeluarkan.

Jabatan ini ingin menegaskan bahawa jika didapati bersalah melakukan aktiviti pembakaran terbuka, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali dan kompaun maksimum sebanyak RM 2,000.

Aduan orang awam berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar boleh disalurkan di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama